

29/12/2001

MBM cadang tubuh majlis perundingan media kebangsaan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini mencadangkan penubuhan sebuah Majlis Perundingan Media Massa Kebangsaan, sebagai badan yang dapat mengawasi perkembangan media massa di negara ini.

Naib Presiden MBM, Norizan Sharif, berkata penubuhan majlis itu dapat memberi input kepada organisasi media mengenai aspirasi nasional, selain bertindak sebagai pengawalan kepada tindakan setengah media yang boleh menggagalkan wawasan negara.

"Majlis ini perlu dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ia perlu diletakkan setaraf dengan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Norizan berkata, majlis itu perlu dianggotai wakil media massa, Institut Akhbar Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan, pemimpin masyarakat, wakil institusi pengajian tinggi dan wakil kementerian serta jabatan kerajaan.

"Fungsi utamanya untuk membentuk agenda nasional bagi media massa. MBM lihat media massa seolah-olah kehilangan arah dan tersepit dengan persaingan perniagaan, sehingga sanggup mengabaikan agenda nasional.

"Pada masa yang sama, majlis itu berfungsi mengukuhkan bidang kewartawanan melalui perkongsian maklumat dan kepakaran antara pelbagai organisasi media," katanya.

Cadangan menubuhkan majlis itu dibuat ekoran berita ancaman keselamatan terhadap Dr Mahathir dan Abdullah, yang dikeluarkan oleh sebuah akhbar tempatan Bahasa Inggeris, The Sun, awal minggu ini.

Di samping itu, MBM turut melahirkan rasa bimbang dengan kesilapan lain yang dilakukan media massa sejak kebelakangan ini, seperti kesalahan mengumumkan berita mengenai kemangkatan Yang Dipertuan Agong oleh radio swasta Era dan siaran Time Highway Radio (THR) yang menyiarkan rancangan berunsur lucah.

Norizan berkata, sekiranya kesilapan sedemikian terus berlaku, imej media akan terjejas dan masyarakat akan hilang keyakinan terhadap industri berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Abdul Rahman Othman, berkata budaya menyiarkan laporan tanpa siasatan dan fakta, seolah-olah sudah diterima oleh pengamal media di negara ini.

Beliau berkata, berita mengenai pakatan membunuh Dr Mahathir dan Abdullah serta penafian yang dibuat polis sehari selepas berita itu dikeluarkan, boleh merosakkan imej media secara keseluruhannya.

"Ini benar-benar memalukan seluruh rakyat Malaysia. Apatah lagi isu yang ditimbulkan adalah isu berat yang membabitkan keselamatan dan kestabilan negara," katanya dalam satu kenyataan di sini.

(END)